

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 23 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1432-MQT0862
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo. Apakah justifikasi Kerajaan terdahulu membatalkan pelantikan Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner-PDP*) dan kesan penamatan syarikat PDP tersebut terhadap pelaksanaan projek.

2. PR-1432-MQT0853
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada semua penerbit filem wajib memohon Lesen Pengeluaran Filem serta Surat Perakuan Penggambaran, tidak kira mereka adalah agensi media arus perdana atau media individu (*personal media*) yang menerbitkan filem di platform media sosial atau saluran tradisi.

3. PR-1432-MQT0850
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sejauh manakah potensi industri ikan tuna di Malaysia serta usaha-usaha Kementerian dalam mengembangkan industri perikanan tuna sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara bagi memperkasakan Malaysia sebagai hub ikan tuna di rantau ini, khususnya dalam era pasca COVID-19.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 23 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09627
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah strategik yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengelakkan projek tambak laut (*Penang South Reclamation*) di Pulau Pinang yang memberi impak besar terhadap alam sekitar tidak diteruskan.

2. PR-1432-L08797
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang bagi semua fasa dapat disiapkan.

3. PR-1432-L09803
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha yang akan dibuat bagi memastikan keperluan asas seperti jaringan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik dapat disediakan kepada masyarakat kampung yang berada di kawasan pedalaman dan terpencil terutamanya di kawasan Parlimen yang luas seperti Parlimen Kinabatangan.

4. PR-1432-L09016
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian akan melihat semula penjualan arak di kedai-kedai runcit kerana arak ini mempunyai lebih banyak kesan negatif daripada positif terhadap masyarakat.
5. PR-1432-L08730
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang untuk membina Balai Polis di Sg. Asap dan menaik taraf Balai Polis Daerah Belaga dan Pejabat Polis Daerah Kapit.
6. PR-1432-L09063
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan situasi pekerjaan belia ketika penularan wabak COVID-19. Apakah inisiatif Kerajaan bagi membantu belia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 terutamanya isu pekerjaan.
7. PR-1432-L09018
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan 10 langkah utama yang telah dibuat untuk membina 'bangsa usahawan' serta nyatakan data bagi menunjukkan hasil kejayaan. Adakah Kementerian bercadang untuk bersama Kementerian Pendidikan bagi memulakan subjek keusahawanan bermula di tingkatan 1 hingga 6 agar ratusan ribu keluaran SPM/STPM setiap tahun boleh menjadi usahawan jika tidak berpeluang ke institusi pengajian tinggi.
8. PR-1432-L09594
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang melaksanakan pendapatan asas sejagat menerusi projek rintis seperti yang dijalankan Finland yang terbukti mampu mengurangkan kadar pengangguran dalam usaha memperkukuh sistem jaringan keselamatan sosial memandangkan pengangguran Malaysia dianggarkan melonjak setinggi 15% tahun ini menurut Presiden MEF.

9. PR-1432-L09905

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) peratusan kelulusan bagi permohonan daripada kawasan Bintulu untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Dalam Keadaan Khas, 15 (2) dan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan yang telah dipohon sekian lama dan sehingga kini masih terdapat permohonan yang tidak mempunyai ulasan daripada pihak Kementerian; dan
- (b) strategi dan usaha yang diambil oleh pihak kementerian bagi menyelesaikan isu berkaitan Daftar Lewat Kelahiran, Daftar Lewat Kad Pengenalan dan Pengesahan Taraf Kewarganegaraan yang menjadi salah satu isu di Negeri Sarawak secara amnya dan Bintulu khususnya memandangkan penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman masih tidak peka terhadap kepentingan kewarganegaraan.

10. PR-1432-L09277

Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil terhadap hospital swasta yang sengaja mengambil kesempatan dengan menaikkan harga topeng muka, alat-alat pelindung diri (PPE) COVID-19 dengan tidak munasabah.

11. PR-1432-L09670

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan Kementerian untuk memastikan inisiatif penggajian penganggur dalam PENJANA dapat mencapai sasaran yang diharapkan.

12. PR-1432-L09547

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan yang telah dan bakal diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani aktiviti pencemaran yang dilakukan oleh pihak industri sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air Simpang Renggam ditutup.

13. PR-1432-L09920
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan Program Food Bank Siswa yang merupakan inisiatif Kementerian untuk menyalurkan bantuan lebih makanan kepada penuntut IPT yang memerlukan sebelum ini.
14. PR-1432-L09846
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan keadaan pembelajaran dan pengajaran pelajar-pelajar Orang Asli dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan bagaimana Kementerian memastikan anak-anak Orang Asli meneruskan pembelajaran ke sekolah selepas membuka semula sekolah.
15. PR-1432-L09565
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat terutamanya golongan belia memandangkan harga rumah pada ketika ini kenaikan harga rumah tidak sepadan dengan pendapatan isi rumah dan sejauh manakah pandemik COVID-19 mempengaruhi harga pasaran pada masa ini.
16. PR-1432-L08960
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perincian pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) dan bilakah dapat dimulakan memandangkan ia perlu disiapkan menjelang tahun 2025 bagi memenuhi keperluan sumber air mencukupi kepada rakyat dan industri di Pulau Pinang.
17. PR-1432-L09339
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah perancangan untuk membina sebuah kompleks sukan di daerah Tanjung Manis. Kompleks tersebut sangat diperlukan untuk memberi kemudahan kepada belia-belia bergiat dalam aktiviti sukan sekali gus dapat menghindar mereka dari kegiatan melibatkan jenayah dan penyalahgunaan najis dadah.

18. PR-1432-L09495
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah pun dan akan diambil untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin dan nyatakan bilangan mereka di Malaysia dan senaraikan negara asal mereka dan sama ada Kerajaan sedang berbincang dengan negara-negara tersebut dalam usaha penyelesaian masalah ini dan sekiranya ada, apakah cadangan dan tindakan seterusnya.
19. PR-1432-L09714
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-
- (a) berapa peruntukan untuk membangunkan infrastruktur jalan raya di luar bandar bagi tahun 2020 serta berapa sasaran jumlah kilometer akan dibina atau dinaik taraf untuk jalan raya luar bandar dan jalan-jalan kampung; dan
 - (b) berapa jumlah peruntukan untuk infrastruktur dan jalan-jalan di Kuala Krai.
20. PR-1432-L10026
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh dijangka siap keseluruhan projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dan boleh digunakan oleh rakyat.
21. PR-1432-L09490
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah terdapat ramai pelancong yang masuk ke dalam negara tetapi tidak ramai pula yang keluar setelah tamat tempoh visa lawatan. Berapa jumlah pelancong yang tidak keluar dari negara ini sejak 2008 hingga Februari 2020 setelah luput tempoh lawatan.
22. PR-1432-L08866
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa banyak sekolah sukan yang terdapat di negara ini. Apa peranan Kementerian Belia dan Sukan terhadap sekolah sukan tersebut.
23. PR-1432-L09736
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan statistik penglibatan dan impak pasca COVID-19 ke atas usahawan dalam bidang perkhidmatan secara sentuhan fizikal seperti pusat rehabilitasi, spa, perkhidmatan latihan kecergasan peribadi dan perkhidmatan dandan.

24. PR-1432-L09655
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil terhadap penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti kumpulan LTTE dan tindakan selanjutnya dalam menangani masalah ini yang melibatkan keselamatan negara.
25. PR-1432-L09876
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengehadkan kelulusan lesen kepada individu atau syarikat yang menjual gas LPG bersubsidi atau LPG Industri sahaja dan bukan kedua-duanya sekali sebagai langkah membendung sindiket penyelewengan subsidi LPG.
26. PR-1432-L09517
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan kaedah penyelesaian bagi mengatasi isu gangguan bekalan air bersih di kawasan-kawasan kampung di negeri Kedah semakin kritikal sejak kebelakangan ini.
27. PR-1432-L09389
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tentang penyaluran dana pinjaman melalui TEKUN mengikut kaum pada tahun 2019 dan setakat bulan Jun 2020. Bagaimanakah penglibatan kaum India dalam peruntukan khas yang disediakan melalui TEKUN untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya.
28. PR-1432-L09661
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan prestasi kualiti udara dan air sungai sepanjang tempoh PKP dan apakah langkah Kementerian untuk mengekalkan keadaan kualiti yang baik ini.
29. PR-1432-L09623
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah drastik dalam tempoh wabak COVID-19 untuk meningkatkan prestasi sukan bola sepak negara daripada kedudukan 154 kepada kedudukan seratus terbaik dunia.

30. PR-1432-L09387
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status Malaysia Karate Federation (MAKAF) yang menghadapi pertikaian dalaman yang serius. Kenapakah pihak Pesuruhjaya Sukan Malaysia tidak mahu mengadakan pemilihan baru bagi jawatankuasa MAKAF untuk menyelesaikan pertikaian ini demi kemajuan dan pembangunan sukan tersebut.
31. PR-1432-L08746
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelancong warganegara China yang melawat negara ini bagi tempoh 2003 hingga 2019 dan nyatakan jumlah pelancong warganegara China yang dikenal pasti tidak meninggalkan negara ini setelah tamat tempoh lawatan bagi tempoh berkenaan dan nyatakan apakah tindakan dan langkah Kerajaan bagi memastikan semua pelancong meninggalkan negara ini terutama pelancong dari China ini bagi memastikan keselamatan negara.
32. PR-1432-L09994
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah terdapat perancangan pembangunan semula atau penjenamaan semula terhadap kompleks sukan atau dewan belia yang menjadi projek gajah putih.
33. PR-1432-L09615
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kesan penularan COVID-19 bagaimanakah usaha Kementerian dalam membantu usahawan mikro yang terjejas dalam memastikan perniagaan mereka kembali pulih dan apakah fasilitasi yang diperlukan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam mencapai objektif tersebut.
34. PR-1432-L08725
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) status balai bomba di Pekan Belaga; dan
 - (b) sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah balai bomba di penempatan semula Sg. Asap, Belaga.

35. PR-1432-L09055
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan usaha yang akan diambil oleh Kementerian untuk menangani peningkatan penggunaan plastik untuk pembungkusan makanan serta barangan semasa pandemik COVID-19.
36. PR-1432-L09138
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan warganegara asing mengikut kerakyatan masing-masing yang terus tinggal di negara ini secara haram dan usaha yang telah diambil untuk mengusir mereka pulang ke negara masing-masing.
37. PR-1432-L09162
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang hilang pekerjaan akibat dari pandemik COVID-19. Mohon diberikan pecahan mengikut sektor pekerjaan dan apakah langkah segera Kementerian untuk membantu rakyat-rakyat yang hilang pekerjaan ini.
38. PR-1432-L09275
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang berbakat dan berkemahiran tinggi untuk industri berkemahiran tinggi dan pada masa yang sama juga menghadapi masalah kekurangan buruh untuk industri intensif buruh. Apakah rancangan transformasi ekonomi jangka pendek dan panjang untuk mempersiapkan negara dalam menghadapi cabaran dan objektif Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi digital pascapandemik COVID-19.
39. PR-1432-L09708
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesediaan aset-aset Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ketika ini bagi menangani isu pencerobohan bot nelayan asing Vietnam di sempadan perairan negara.
40. PR-1432-L09832
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berniat untuk meneruskan dengan cadangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

41. PR-1432-L09897
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk memperkenalkan rang undang-undang IPCMC untuk dibahaskan dalam sesi Parlimen ini.
42. PR-1432-L09415
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan strategi Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah banjir tahunan di negeri-negeri pantai timur terutamanya di Kelantan dan Terengganu.
43. PR-1432-L08953
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian melakukan proses pemutihan atau tindakan tegas terhadap penyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dikesan memberi sewa kediaman mereka kepada orang lain.
44. PR-1432-L10016
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan penglibatan pekerja tempatan dalam industri pembinaan. Apabila Kerajaan telah mengumumkan pembekuan pengambilan baharu pekerja asing.
45. PR-1432-L08878
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan untuk menjelaskan impak kewangan pakej stimulus terhadap PERKESO memandangkan pakej stimulus terbaru akan menggunakan sejumlah RM5 bilion dana PERKESO untuk membayar subsidi gaji RM600 sebulan dan apakah langkah susulan Kerajaan dalam memastikan kemampuan PERKESO pada masa hadapan.
46. PR-1432-L08943
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menyenaraikan statistik indeks kematian (*Index of Accidental Death in Malaysia*) akibat kemalangan jalan raya semenjak ianya dilaksanakan pada tahun 2011 sehingga 2019. Apakah faktor atau punca utama kejadian kemalangan maut tersebut.

47. PR-1432-L09233
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kawalan sempadan tanah air kita dipertingkatkan supaya negara kita tidak lagi menghadapi masalah pendatang tanpa izin (PATI) yang makin meruncing.
48. PR-1432-L09493
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Akta Hasutan akan dimansuhkan dan status tindakan untuk tujuan tersebut.
49. PR-1432-L09128
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah dan inisiatif Kerajaan bagi membantu pembelian perumahan dalam pasaran baru dan pasaran sekunder (*secondary market*) termasuk pembeli warga asing ketika krisis ekonomi akibat pandemik COVID-19.
50. PR-1432-L09320
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melaksanakan cadangan Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Adat Orang Asli yang disediakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada tahun 2013 terutamanya berkaitan dengan isu pengiktirafan hak Orang Asli terhadap tanah.
51. PR-1432-L09181
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah dan nama taman industri di setiap negeri di Malaysia. Adakah taman industri yang dibina di setiap negeri perlu mengikuti satu Prosedur Operasi Standard untuk memastikan infrastruktur berkualiti untuk pelabur.
52. PR-1432-L08868
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pembinaan Lebuhraya Pan Borneo mengikut yang telah dijadualkan. Adakah Jabatan Kerja Raya Sarawak mengendalikan keseluruhan projek ini.
53. PR-1432-L08879
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan untuk menjelaskan langkah pemantauan Kerajaan dalam memastikan subsidi gaji RM600 benar-benar diterima oleh pekerja dan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan majikan yang menerima subsidi ini tidak memecat pekerja.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

Menyambung semula perbahasan atas masalah (22 Julai ,2020)

2. (D.R. 1/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
 Tambahan (2019) 2020 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. (D.R 2/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
(Penguntukan Semula Peruntukan **Yang Kedua**
Perbelanjaan) 2020

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

4. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) **Bacaan Kali Yang Kedua**
2019

[Menteri Kesihatan]

5. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan " (Pindaan) (No. 2) 2019

[Perdana Menteri]

6. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya " Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019

[Perdana Menteri]

7. PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

8. PR-1432-U(27)116
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

[Perdana Menteri]

9. PR-1432-U(27)114
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

10. PR-1432-U(27)115
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

11. PR-1432-U(27)119
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1432-U(27)120
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

13. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

14. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

16. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

17. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

18. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

19. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

20. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

21. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

23. PR-1432-U(27)129
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."
[Perdana Menteri]
24. PR-1432-U(27)132
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."
[Perdana Menteri]
25. PR-1432-U(27)131
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

26. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 169	Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Dan Sarawak Bagi Tahun 2018	23 Julai 2020

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 9	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2018	23 Julai 2020
ST. 23	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia Bagi Tahun 2018	23 Julai 2020
ST. 24	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Sultan Zainal Abidin Bagi Tahun 2018	23 Julai 2020
ST. 29	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) Bagi Tahun 2018	23 Julai 2020
ST. 37	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa Dan Pustaka Bagi Tahun 2018	23 Julai 2020
ST. 43	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Bagi Tahun 2018	23 Julai 2020

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 23.07.2020 (Khamis)	1. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	1. Masalah Permohonan Warganegara Perkara 15A	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 23.07.2020 (Khamis)	2. YB Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	2. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Harus Membendung Pengedaran Dan Penjualan Arak Murah Dan Tanpa Lesen	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**